

**TINJAUAN KE ATAS MASALAH SETINGGAN
DI KAWASAN BANDARAYA KUCHING**

OLEH

LANYING AK JUING	97139139
MERKA AK JAMBA @ LAWRENCE MERKA	96989235
JENIFFER AK REGINALD NIYAN	96025607
JULIA AK DAVID KOKI	96313840
JERIO AK TAWAN	96024440

Kertas Projek ini dikemukakan kepada Fakulti Pentadbiran dan Undang-Undang Universiti Teknologi MARA Sarawak bagi memenuhi sebahagian daripada keperluan Diploma Pentadbiran Awam

FAKULTI PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
KAMPUS SARAWAK
KOTA SAMARAHAN

SEPTEMBER 2001

ISI KANDUNGAN		Muka Surat
PENGHARGAAN		i
ABSTRAK		iii
PERAKUAN		vi
SURAT PENYERAHAN		vii
SENARAI JADUAL		
Jadual 3.1	Statistik Setinggalan (sebelum penempatan) yang terdapat di kawasan-kawasan bandar di Negeri Sarawak pada tahun 2000	30
Jadual 3.2	Statistik Keluarga Setinggalan selepas penempatan sehingga 31 Mac 2001	30
Jadual 3.3	Baki setinggalan di Bahagian Kuching sehingga 31 Mac 2001	31
Jadual 3.4	Senarai Projek SPPS bagi Rancangan RMK8	34
Jadual 4.1	Pecahan Umur Responden (Tabuan)	38
Jadual 4.2	Komposisi Kaum Responden (Tabuan)	38
Jadual 4.3	Pendapatan Responden (Tabuan)	39
Jadual 4.4	Pecahan Umur Responden (Sungai Apong)	40
Jadual 4.5	Komposisi Kaum Responden (Sungai Apong)	40
Jadual 4.6	Pendapatan Responden (Sungai Apong)	41
SENARAI LAMPIRAN		
Lampiran A	Borang Soal Selidik	
Lampiran B	Gambar-Gambar Kawasan Setinggalan	
Lampiran C	Jadual Pelaksanaan Tugas	
Lampiran D	Surat Pengenalan Pelajar kepada Jabatan/Agensi Berkenaan	
Lampiran E	Laporan Ketua Polis Balai	
Lampiran F	Surat dan Maklumat-Maklumat dari SPPS	
Lampiran G	Keratan-Keratan Akhbar	
Lampiran H	Peta Bandaraya Kuching	
BAB I	PENGENALAN	
	1.1 Latarbelakang Kajian	1
	1.2 Objektif Kajian	3
	1.3 Skop Kajian	4
	1.4 Methodologi Kajian	5

ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk mengetahui dan mengenalpasti sebab-sebab kewujudan setinggan khasnya setinggan-setinggan di kawasan Bandaraya Kuching. Tumpuan kajian telah difokuskan terhadap masalah-masalah yang dihadapi oleh penduduk-penduduk setinggan khususnya dari segi sosial, ekonomi dan politik. Kajian juga dilakukan terhadap kesan dan pengaruh pembangunan fizikal (infrastruktur) yang sangat pesat ke atas setinggan.

Kajian ini dijalankan ke atas setinggan di Tabuan (Stutong) dan Sungai Apong sahaja. Kedua-dua setinggan ini adalah dibawah pentadbiran Majlis Bandaraya Kuching Selatan (MBKS). Kertas Projek ini dibahagikan kepada lima bab.

Amnya kajian ini memberikan gambaran tentang masalah setinggan yang dihadapi di Malaysia. Objektif kajian ini adalah tertumpu kepada kewujudan kawasan setinggan di bawah pentadbiran MBKS seperti yang dinyatakan di atas. Penemuan kajian adalah berasaskan kajiselidik yang dilakukan dengan menemuduga penduduk-penduduk setinggan dan juga melalui pemerhatian terhadap kawasan-kawasan setinggan yang dikaji. Di samping itu, maklumat juga diperolehi daripada jabatan-jabatan dan agensi-agensi yang terbabit.

Isu-isu dan masalah-masalah berkaitan dengan setinggan diberi perhatian utama didalam kajian ini. Daripada kajian yang dibuat, terdapat lima jenis setinggan yang dikategorikan dalam kajian ini sementara ciri-ciri setinggan pula dikategorikan kepada tiga bahagian.

B A B 1

PENGENALAN

1.1 Latarbelakang Kajian

Fenomena setingan telah menjadi masalah utama negara sejak dari dahulu lagi dan sering dikaitkan dengan gambaran yang bercanggah dengan nilai-nilai kehidupan yang ideal. Antara masalah tersebut ialah kesesakan penduduk, pembangunan bandar-bandar baru yang tidak terancang, keadaan bangunan buruk dan berselerak, kemiskinan, masalah sosial, tiada kemudahan infrastruktur dan sebagainya.

Di Malaysia, pertumbuhan bandar-bandar lebih tertumpu kepada aktiviti perindustrian dan perdagangan. Ini memberi kesan kepada pertambahan peluang pekerjaan. Pertumbuhan ekonomi negara yang pesat di antara tahun 1991 hingga 1997 telah memberi sumbangan yang besar kepada perubahan struktur sosial dan ekonomi negara yang mengarah kepada perkembangan pesat perindustrian dan perbandaran. Perkembangan ini memberi lebih banyak peluang ekonomi dan peluang pekerjaan di pusat-pusat bandar telah menyebabkan ramai penduduk luar bandar atau bandar kecil berhijrah ke pusat-pusat bandar. Pertambahan pesat penduduk-penduduk di pusat-pusat bandar menyebabkan sektor perumahan tidak dapat menampung kepesatan penduduk di pusat-pusat bandar. Permintaan yang tinggi terhadap rumah-rumah telah menyebabkan kos rumah semakin tinggi.

BAB 2

LATARBELAKANG SETINGGAN

2.1 Pengenalan Dan Definisi Setinggan

Setinggan biasanya didefinisikan sebagai proses menduduki bangunan atau tanah yang bukan miliknya secara sah disisi undang-undang. Tanah yang dijadikan tapak penempatan setinggan adalah terdiri daripada tanah kerajaan yang belum diwartakan, atau tanah yang telah diwartakan tetapi belum dimajukan, tanah kerajaan yang baharu tamat tempoh pajakannya, tanah simpanan atau rizab untuk saluran seperti tebing sungai, tanah bekas lombong yang telah ditinggalkan, tanah simpanan badan-badan kerajaan yang tertentu seperti penguasa keretapi, elektrik, lebuhraya, kerja raya, taliari, dan sebagainya. Kadangkala, tanah milik persendirian juga menjadi sasaran bagi tujuan tapak perumahan setinggan, walaupun di negara-negara lain, setinggan meliputi penduduk yang tinggal di bawah jambatan, kolong, bangunan-bangunan kosong dan tepi-tepi jalan raya tetapi di Malaysia, umumnya, setinggan tidak mencapai tahap yang sedemikian tenat.

Setinggan ataupun "*slum*" mempunyai pelbagai definisi bergantung pada ciri-ciri yang dikemukakan oleh sesebuah negara. Berdasarkan definisi yang dikemukakan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UN) – 1952, slum disifatkan sebagai bangunan atau perkumpulan bangunan atau kawasan yang disifatkan terlalu sesak (*overcrowded*) tidak tersusun, tiada kemudahan dan